

Landasan promosi sukan silat: Amir

Oleh Mohd Hilmie Hussin

mohdhilmie@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri edisi keempat tahun ini menjadi landasan terbaik bagi mempromosi sukan seni mempertahankan diri itu ke luar negara.

Kejohanan dari 15 hingga 20 September ini, membolehkan peserta dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara dengan penyertaan 648 pesilat.

“Kejohanan yang diwujudkan ini bukan semata-mata mewujudkan persaingan, malah kita mempromosi silat ke luar negara menerusi penyertaan pelajar luar negara.

“Selepas tamat belajar,

mereka akan mempromosi sukan mempertahankan diri kita ke negara mereka dengan menjadi jurulatih, sekali gus mengembangkan sukan silat ke serata dunia,” kata Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Prof Dr Amir Hashim Mohd Kassim.

Kejohanan di Dataran Pahlawan Melaka Megamall, Melaka bermula Ahad ini bakal melihat sejauh mana kemampuan pesilat mahasiswa tempatan mempertahankan kejuaraan keseluruhan buat kali ketiga berturut-turut.

Setiausaha Bahagian Sukan Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan Hazally Jali optimis pesilat universiti tempatan mampu mempertahankan gelaran

FAKTA

Piala Timbalan Perdana Menteri tarik 648 penyertaan dalam dan luar negara

selepas mempamerkan peningkatan sejak kejohanan itu diperkenalkan pada 2010.

Pesilat IPT luar negara yang mengambil bahagian membolehkan mereka dari Algeria, Bangladesh, Brunei Darussalam, Indonesia, Nigeria, Singapura, Somalia, Thailand, Vietnam dan Yaman.

Malaysia muncul naib juara edisi pertama pada 2010, namun merangkul kejuaraan pada 2011 dan 2012.

Tahun lalu, pesilat negara meraih 14 pingat emas, tiga perak dan lima gangsa diikuti Singapura dengan koleksi 5-9-3 dan Vietnam 2-3-2.